

21 FEB 1998

LAWATAN HOWARD KE MALAYSIA DIBATALKAN

KUALA LUMPUR, 21 Feb (Bernama) -- Lawatan rasmi tiga hari Perdana Menteri Australia John Howard ke Malaysia bermula esok, telah dibatalkan, menurut satu kenyataan Kementerian Luar hari ini.

Tiada sebab diberikan mengenai pembatalan itu dalam kenyataan ringkas berkenaan.

Menurut laporan Reuter dari Canberra, Howard membatalkan lawatan ke Malaysia dan Papua New Guinea disebabkan keadaan di Iraq.

Howard berkata beliau merasakan adalah lebih baik untuk berada di Australia sehingga situasi sebenar di Teluk lebih jelas.

Howard dijadual tiba petang esok untuk lawatan rasmi pertamanya ke Malaysia sejak beliau memegang jawatan berkenaan pada Mac 1996.

Howard sepatutnya mengadakan pertemuan semula dengan rakan sejawatannya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa lawatannya ke sini.

Kedua-dua pemimpin telah bertemu tidak lama selepas pemilihan Howard apabila Dr Mahathir singgah di Australia dalam perjalanan pulang dari New Zealand selepas menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel. --  
BERNAMA

TCL RON